



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
NOTIS SEBUTHARGA

NO. SEBUTHARGA : JPA(S)18/2020

PENGUBAHSUAIAN DAN SUSUN ATUR RUANG KERJA PEJABAT ARAS 4, BLOK C3, KOMPLEKS C JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA) DAN PEMBERSIHAN ARAS 7, BLOK 1, MENARA SERI WILAYAH (MSW)

- 1) Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam **Gred G2, Kategori ME, Pengkhususan E04 (Pemasangan Voltan Rendah), E11 (Kerja Am Elektrik) & E14 (Kabel Rangkaian Komputer)**, mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil PKK (Sijil Taraf Bumiputera) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya atau Daerah Sepang atau Daerah Hulu Langat** sahaja dibenarkan menyertai kerja-kerja sebutharga ini.
- 2) Penyebutharga **DIWAJIBKAN** hadir ke Sesi Taklimat dan Lawatan Tapak. Sila bawa bersama sijil **asal (CIDB, Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan)** dan sijil **PKK asal (Sijil Taraf Bumiputera)** beserta salinan fotostat (tidak dikembalikan) untuk pengesahan berserta **Cop Rasmi Syarikat**. Hanya penama di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Sahaja yang boleh menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak seperti berikut:

Tarikh : 1 September 2020 (Selasa)
Masa : 10.00 pagi
Tempat : Jabatan Perkhidmatan Awam
Bilik Mesyuarat Jati, Aras 4
Blok C3, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 Putrajaya Putrajaya.

- 3) Dokumen sebutharga boleh didapati di **Sektor Perolehan dan Aset, Aras 9, Blok C1, Kompleks C, Jabatan Perkhidmatan Awam, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62510 Putrajaya** mulai **1 September 2020 (Selasa)** sehingga **4 September 2020 (Jumaat)**.
- 4) Kontraktor yang berminat mengambil dokumen sebutharga **wajib** membawa sijil **CIDB asal (Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan)** dan sijil **PKK asal (Sijil Taraf Bumiputera)** untuk pengesahan berserta **Cop Rasmi Syarikat**.
- 5) Dokumen sebutharga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan nombor sebutharga serta tajuk sebutharga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Sektor Perolehan dan Aset, Aras 9, Blok C1, Kompleks C, Jabatan Perkhidmatan Awam, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62510 Putrajaya** tidak lewat dari **jam 12.00 tengah** hari pada **8 September 2020 (Selasa)**.
- 6) Penyebutharga hendaklah mematuhi dan mengambil langkah-langkah proaktif untuk sentiasa mencegah penularan wabak COVID-19 yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa bagi mematuhi Akta Pencegahan dan Pengawalan penyakit berjangkit 1988 (Akta 342) dan (Akta Polis 1967).
- 7) Syarikat yang memerlukan penjelasan lanjut mengenai Tender tersebut, hendaklah menghubungi pegawai-pegawai berikut:

Spesifikasi

- | | | | |
|------|-------------------------------|---|--------------|
| (i) | Encik Muhamad Azrin bin Ahmad | - | 03-8885 3037 |
| (ii) | Encik Ir Mahadir bin Masihat | - | 03-8885 3225 |

Dokumentasi

- | | | | |
|------|----------------------------------|---|--------------|
| (i) | Encik Abdul Hafiz bin Mohd Hatta | - | 03-8885 3035 |
| (ii) | Puan Che Zuraidah binti Che Daud | - | 03-8885 3796 |